

17/08/2004

Abdullah, isteri hadir ulang tahun Lake Club

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood, malam tadi menghadiri jamuan malam sempena ulang tahun ke-114 penubuhan Royal Lake Club, di Taman Tasik Perdana, di sini.

Beliau yang menjadi ahli kelab eksklusif itu sejak Oktober 1970, ketika berucap menyifatkan kehadirannya ke kelab itu banyak mengembalikan nostalgia dan berharap akan terus mengunjungi kelab itu.

"Saya gembira kerana dapat bertemu kawan lama di kelab ini dan yakin semangat kekeluargaan kelab akan terus berkekalan di kalangan ahli. Seperti malam ini, kita melihat semua kaum berada di satu meja yang sama dan ini membuktikan kelab ini disertai semua kaum di Malaysia," katanya.

Hadir sama, Presiden kelab berkenaan, Manjeet Singh Dillan. Antara penaung atau presiden terdahulu kelab berkenaan ialah Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak (presiden, 1967-1976), Tun Hussein Onn (presiden 1977-1981) dan Tun Dr Mahathir Mohamad, penaung pada 1990.

(END)